MAJLIS AMANAH RAKYAT (MARA)
Ibu Pejabat MARA
21, Jalan MARA
50609 KUALA LUMPUR
MALAYSIA

Tel: +603-2613 2000
Faks: +603-2691 3620
Laman Web: www.mara.gov.my

Bil. MARA : 600-3/3/1 JLD2 (64)
24 Mac 2021
10 Syaaban 1442H

YBRS. DR. SITI FATIMAH BINTI ZAKARIA
Pengerusi Program Pertandingan Matematik UIAM 2021,
Jabatan Pengkomputeran dan Sains, Kulliyyah Sains,
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM),
Bandar Indera Mahkota,
25200 Kuantan,
PAHANG.

YBrs. Dr.,

PERMOHONAN KEBENARAN PENGLIBATAN MURID BAGI PROGRAM PERTANDINGAN MATEMATIK UIAM 2021

Dengan segala hormatnya saya ingin merujuk kepada perkara di atas dan surat daripada pihak YBrs. Dr. bertarikh 5 Mac 2021, no rujukan: IIUM/307/CTS/2/1/IMC2021.

Sukacita dimaklumkan bahawa Bahagian Pendidikan Menengah (BPM) MARA telah menerima dan meneliti permohonan penganjuran program di atas daripada pihak YBrs . Dr. Pihak BPM mengalu-alukan kerjasama dengan agensi kerajaan dan agensi bukan kerajaan dalam pembangunan kokurikulum di negara ini.

Waiau bagaimanapun, berikutan kesan penularan jangkitan Novel Coronavirus (COVID-19) yang melanda seluruh dunia, penjarakan fizikal merupakan salah satu prosedur yang perlu dipatuhi dalam norma baharu. Ini menyebabkan banyak program khususnya aktiviti kokurikulum tidak dapat dilaksanakan seperti kebiasaan.

Sehubungan dengan itu, pihak BPM mengambil maklum akan permohonan pihak YBrs. Dr. serta tiada halangan bagi murid menyertai Pertandingan Matematik UIAM 2021 secara dalam talian yang akan diadakan pada 1 Mac hingga 29 September 2021 dengan mematuhi Standard Operating Procedure (SOP) yang telah ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Surat kebenaran ini hanya diberikan untuk Jabatan Pengkomputeran dan Sains Teori, Kulliyyah Sains, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Pahang yang akan menganjurkan Pertandingan Matematik UIAM 2021 pada 1 Mac hingga 29 September 2021 sahaja. Sebarang kebenaran program baharu hendaklah dikemukakan kepada pihak Bahagian Pendidikan Menengah (BPM) MARA.

Sebarang pertanyaan berhubung perkara ini, pihak YBrs. Dr. boleh menghubungi Encik J Hamzah bin Shaari, Ketua Penolong Pengarah (Matematik) di talian 03-26134212 atau e-mel jhamzah.shaari@mara.gov.my.

Kerjasama pihak YBrs. Dr. didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

"PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"LUAR BANDAR SEJAHTERA"

Saya yang menjalankan amanah,

WAN AINIZAH ~~BINTI~~ ARIFFIN
Pengarah
Bahagian Pendidikan Menengah
b/p Ketua Pengarah
MARA